

10/04/1999

PM beri Azhar semangat baru

LANGKAWI, Jumaat - Pelayar negara, Azhar Mansor hari ini mendapat suntikan semangat baru selepas mendapat perhatian khusus daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai percubaannya untuk belayar mengelilingi dunia.

Perdana Menteri yang baru pulih daripada infeksi paru-paru selepas menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) menyampaikan pesanan itu menerusi media massa yang membuat liputan di institut berkenaan, semalam.

Pesanan itu pula disampaikan oleh wartawan Bernama, Hammad Wariman kepada Penasihat Teknikal dan Komunikasi Cabaran Jalur Gemilang berpangkalan di Awana Porto Malai, Noel Belman, malam tadi.

Semalam, Dr Mahathir terharu menerima perutusan ucap selamat melalui Internet daripada Azhar yang sedang cuba mengelilingi dunia dengan pelayaran solo tanpa henti mengikut laluan Timur-Barat-Timur.

"Saya harap beliau berjaya," katanya yang juga penaung Cabaran Jalur Gemilang itu.

Sementara itu, Belman berkata, beliau sudah menyampaikan pesanan itu kepada Azhar dan pelayar itu kini semakin ghairah dan gagah melayari Jalur Gemilang untuk melepasi Cape Horn di Amerika Selatan.

Menurutnya, ini kerana jika ini dapat dilakukan, Azhar secara automatik layak menyertai sebuah kelab pelayaran bertaraf antarabangsa.

"Kelab itu disifatkan elit kerana hanya pelayar yang berjaya melepasi Cape Horn sama ada dari Barat atau Timur, layak menyertainya.

"Bagi pelayar yang melepasi dari Barat, pelayar dikehendaki memakai subang pada sebelah telinga kanan sebagai tanda dan sebaliknya bagi pelayar yang menyusurnya dari Timur," katanya di sini, hari ini.

Laluan ke Cape Horn disifatkan pelayar seperti mendaki Gunung Everest kerana terpaksa meredah perubahan cuaca tidak menentu yang kerap membawa ribut.

Azhar menerusi e-mel yang dihantarnya ke Cabaran Jalur Gemilang yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, pula melaporkan keadaan pada sepanjang hari ini tenang dengan angin bertiup lembut.

"Angin sedikit meningkat beberapa jam lalu dari Barat Daya. Saya mula belayar dalam kawasan 'cold front' dan mungkin menghadapi 'big cold front' pada bila-bila masa mulai sekarang," katanya.

Mengikut istilah pelayaran, 'cold front' bermakna perubahan cuaca yang membawa ribut dengan kelajuan angin sehingga 40 knot.

Menurutnya, cuaca di situ semakin sejuk dan beliau perlu melakukan sesuatu untuk memanaskan badan.

(END)